

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH RUBIAH BINTI  
HAJI WANG (KOTA SAMARAHAN)**

**TARIKH : 26 JULAI 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK HAJAH RUBIAH BINTI HAJI WANG (KOTA SAMARAHAN)**  
minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan jumlah  
pencapaian mengenai Agenda Hijau dan Kelestarian Tenaga Negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai negara neutral karbon menjelang tahun 2050, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli sebagai Kementerian yang bertanggungjawab terhadap industri pembekalan elektrik negara, telah menetapkan sasaran untuk melestarikan sumber penjanaan elektrik negara melalui peningkatan kapasiti Tenaga Boleh Baharu (TBB) kepada 31% pada tahun 2025 dan 40% pada tahun 2035.
2. Sehingga bulan Mac 2022, jumlah kapasiti terpasang TBB telah mencapai 9,381MW atau 23% daripada keseluruhan kapasiti terpasang bekalan elektrik negara. Jumlah kapasiti terpasang TBB ini telah menyumbang kira-kira 70% daripada jumlah kapasiti TBB yang perlu dicapai pada tahun 2025. KeTSA akan meneruskan usaha untuk memastikan supaya baki 30% daripada kapasiti TBB yang telah disasarkan bagi tahun 2025 akan dicapai melalui pelaksanaan program-program yang telah dirancang termasuk:

- i) Proram Solar Berskla Besar
- ii) Program Net Energy Metering
- iii) Program Feed-in Tariff

Sekian, terima kasih.